

# KENYATAAN MEDIA

*Untuk siaran segera*

## **INSIDEN FORMWORK ALUMINIUM JATUH: CIDB KELUARKAN NOTIS PEMBERHENTIAN KERJA PEMBINAAN**

**KUALA LUMPUR (13 Januari 2022)** – Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), telah mengeluarkan Notis Pemberhentian Kerja Pembinaan berkaitan insiden tapak bina di Jalan Ampang yang melibatkan formwork aluminium jatuh menghempap sebuah kenderaan awam.

Notis tersebut dikeluarkan kepada kontraktor utama projek tersebut, bagi menjaga keselamatan awam dan menjalankan siasatan bagi tujuan mengenalpasti punca kejadian dan pihak bertanggungjawab. Menurut laporan awal, insiden tersebut berlaku pada 13 Jan 2023 lebih kurang jam 9.00 pagi semasa kerja-kerja membuka aluminium panel di aras 55 sedang dijalankan, salah satu panel aluminium tersebut telah jatuh lalu menghempap kenderaan awam yang diletakkan diseberang jalan berhadapan tapak projek. Tiada kecederaan dan kemalangan jiwa dilaporkan ketika kejadian.

---

### ***Mengenai CIDB Malaysia***

*Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.*

---